

**MAKMAL KEMANUSIAAN 2.0 — PELARIAN ROHINGYA DI MALAYSIA**  
**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**  
**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR WAN AZIZAH DR WAN ISMAIL**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN DAN PENUTUPAN MAKMAL KEMANUSIAAN 2.0 —**  
**PELARIAN ROHINGYA DI MALAYSIA**  
**ANJURAN MERCY MALAYSIAS**

**MAJLIS PERASMIAN DAN PENUTUPAN MAKMAL KEMANUSIAAN 2.0 —**  
**PELARIAN ROHINGYA DI MALAYSIA**

Date: 06/01/2019

Venue: -

Bismaillahirrahmanirrahim

Dan salam sejahtera.

1. Syukur ke hadrat Illahi kita dapat bersama-sama pada malam yang indah ini untuk perasmian dan penutupan Makmal Kemanusiaan 2.0 – Pelarian Etnik Rohingya di Malaysia anjuran MERCY Malaysia.

2. Isu kekejaman terhadap masyarakat minoriti Rohingya masih berterusan tanpa penyelesaian.

3. Sekian lama mereka menderita tanpa tempat tinggal kekal, dan terpaksa menjadi pelarian dalam negara sendiri.

4. Malah, sebilangan besar daripada mereka terpaksa menjadi pelarian di negara lain demi menyelamatkan diri dan keluarga tersayang.

5. Pada tahun 1992, hanya terdapat 2 orang pelarian Myanmar dan bilangan ini meningkat kepada 5113 orang (1994) dan kepada 69,654 orang pada tahun 2011, yang mana daripada jumlah ini 17,409 adalah etnik Rohingya.

6. Ketika krisis keganasan agama di wilayah Rakhine, Myanmar di antara tahun 2012 sehingga 2015, jumlah pelarian etnik Rohingya meningkat kepada 52,569 (2015) dan yang terkini sejumlah 81,764 orang (November 2018).

7. Secara umumnya, untuk tempoh 8 tahun kebelakangan ini, jumlah pendatang Rohingya telah meningkat sebanyak 4 kali ganda.

8. Pecahan demografi terkini bagi etnik Rohingya yang meliputi 6,649 orang pemohon suaka dan 75,115 orang pelarian.

9. Lelaki dewasa adalah seramai 44,167 orang (54.01 %) dan wanita dewasa seramai 12,118 orang (14.82 %) serta kanak-kanak lelaki seramai 12,138 orang (14.84 %) dan kanak-kanak perempuan seramai 10,341 orang (12.64%).

10. Walaupun Malaysia bukan salah satu Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967, atas dasar kemanusiaan, Malaysia telah membenarkan pelarian yang memegang kad UNHCR untuk tinggal sementara sehingga pulang ke negara asal atau ditempatkan ke negaranegara ketiga.

11. Pada masa ini, dasar – dasar sedia ada negara ke atas pelarian yang memegang kad UNHCR termasuk etnik Rohingya, Myanmar adalah seperti berikut:

(i) Pelarian bebas bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara.

Walau bagaimanapun, pelarian ini hanya dibenarkan berada di Semenanjung sahaja. Ini adalah kerana kad UNHCR bukanlah dokumen perjalanan yang sah;

(ii) Pelarian tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip ‘non-refoulement’ melainkan secara sukarela (voluntary return).

“Pelarian” tersebut perlu membuktikan bahawa nyawa mereka terancam sekiranya dihantar pulang ke negara asal;

(iii) Pelarian mendapat akses kemudahan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat.

(iv) Anak-anak pelarian mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti pelarian dan UNHCR; dan

(v) Pelarian dibenarkan bekerja dalam sektor tidak formal seperti bekerja sendiri bagi tujuan sara hidup.

12. Pada Mac tahun lalu, Projek Perintis Kebenaran Bekerja untuk Pemegang Kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dari etnik Rohingya juga dimulakan secara rasmi.

13. Menerusi projek perintis tersebut, sebanyak 300 orang pemegang kad UNHCR dari etnik Rohingya yang melepasi saringan keselamatan dan kesihatan diberi kebenaran bekerja di negara ini secara berperingkat-peringkat.

14. Pelarian Rohingya terbabit ditempatkan di syarikatsyarikat terpilih dalam sektor perladangan dan perkilangan untuk memberi mereka kemahiran dan sumber kewangan bagi membina kehidupan sebelum ditempatkan semula ke negara ketiga.

15. Kerajaan Malaysia juga sedang bekerjasama dengan Kerajaan Qatar melalui Tabung Pembangunan Qatar (QDF) dengan sumbangan berjumlah USD 50 juta bagi membantu menguruskan pelarian Rohingya di Malaysia.

16. QDF juga bersedia untuk bekerjasama dengan Malaysia untuk memantapkan lagi hospital medan Malaysia di Cox's Bazaar, Bangladesh yang kini memberi bantuan perubatan kepada pelarian-pelarian Rohingya yang kini berada di situ.

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

17. Kerajaan Malaysia sangat prihatin terhadap kebajikan masyarakat Rohingya yang berada di negara ini terutamanya dari segi pendidikan dan kesihatan.

18. Kes pelarian Rohingya adalah unik kerana mereka tidak mempunyai kerakyatan, oleh itu mereka mempunyai sedikit atau tiada harapan untuk kembali ke negara asal kecuali jika berlaku perubahan drastik dalam politik di Myanmar.

19. Kerajaan Malaysia juga sentiasa tegas dalam pendirian kita dalam mendesak kerajaan Myanmar supaya membenarkan masyarakat Rohingya untuk pulang ke tanah air mereka secara aman.

20. Usaha-usaha berterusan sedang giat dirancang dan dijalankan oleh Kerajaan Malaysia untuk menambahbaik usaha kemanusiaan bagi memastikan semua pelarian berada dalam keadaan baik sepanjang mereka berada di sini.

21. Adalah penting bagi Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membantu pihak Kerajaan bagi merealisasikan pelaksanaan program/inisiatif tersebut kerana NGO mempunyai pelbagai kepakaran dan kemampuan tertentu sepertimana amalan di negara-negara lain.

22. Kerjasama antara Kerajaan dan NGO menerusi prinsip perkongsian beban ini diyakini mampu menambah baik mekanisme sedia dalam membantu pelarian Rohingya di negara ini dalam jangka masa panjang.

Hadirin-hadirat yang dimuliakan

23. Memandangkan isu pelarian ini semakin dinamik dan kompleks serta penghantaran pulang ke negara asal atau penempatan ke negara ketiga yang amat rendah, inisiatif yang dijalankan melalui Makmal Kemanusiaan 2.0 – Pelarian Etnik Rohingya di Malaysia anjuran MERCY Malaysia ini amatlah bertepatan.

24. Makmal Kemanusiaan ini adalah medan perbincangan penyelesaian kemelut warga tanpa negara itu yang berada di Malaysia.

25. Saya difahamkan antara fokus perbincangan yang diutarakan dalam program Makmal Kemanusiaan Rohingya ialah kepentingan dalam mengatur pelarian Rohingya di Malaysia agar tidak menimbulkan masalah sosial, sekaligus membantu mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan mereka di negara ini.

26. Makmal Kemanusiaan 2.0 ini pula telah membincangkan masalah-masalah akses kepada kesihatan, pendidikan, perlindungan dan ratifikasi Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951.

27. Ini selari dengan iltizam negara dalam memastikan usaha kemanusiaan sedia ada dapat dibuat penambah baikan, terutamanya dalam isu - isu berkaitan kesihatan, pendidikan dan pekerjaan.

28. Dianggarkan terdapat lebih sejuta warga Rohingya hidup secara diaspora di seluruh dunia dan masih berharap untuk kembali pulang ke tanah air mereka dengan status kerakyatan.

29. Bentuk diplomasi kemanusiaan seperti ini diharapkan dapat diteruskan secara sistematik dan konsisten dalam memberi tekanan kepada pihak-pihak terkait dalam menyelesaikan permasalahan yang menimpa masyarakat Rohingya.

30. Masyarakat antarabangsa perlu bersama-sama memainkan peranan untuk memberi tekanan kepada negara Myanmar supaya bertanggungjawab terhadap warganegara mereka sendiri serta memberikan hak-hak yang sepatutnya kepada para pelarian Rohingya.

31. Negara Myanmar mesti bertanggungjawab sepenuhnya dan tidak wajar membiarkan tanggungjawab ini dipikul oleh negaranegara lain, terutamanya negara jiran.

(This responsibility cannot and should not be passed on to other countries)

Kita berdoa.

Sekian, terima kasih.

**© Hak Cipta © 2019, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri**

Source: <https://dpmo.jpm.gov.my/makmal-kemanusiaan-2-0-pelarian-rohingya-di-malaysia/>